


Title	Ada yang mungkin tak tahu usaha masjid
Author	Nur Adilah Mahbob
Publication	Berita Harian, 6 June 2016, Page 1
URL	http://www.beritaharian.sg/setempat/ada-yang-mungkin-tak-tahu-usaha-masjid



 KONGSI CABARAN: (Dari kiri) Ustazah Siti Marizzah, Ustaz Abdussalam dan Ustazah Zuwainah berkongsi cabaran tugas sebagai pegawai pembangunan sosial di masjid. - Foto TUKIMAN WARJI

- Pemohon bantuan datang ke masjid minta pertolongan.
- Pegawai masjid cuba bantu tetapi pemohon enggan kerjasama, beri maklumat palsu dan tidak penuhi kriteria.
- Pemohon marah apabila permohonan ditolak.
- Jemaah lain terdengar, berikan wang kepada pemohon sambil sindir pegawai.
- Pegawai buat luahan dalam Facebook kepada teman sahaja.
- Mufti baca dan gesa pegawai siarkan kiriman kepada umum.

MATA yang sukar terlelap beberapa malam lalu membawa Ustazah Zuwainah Mohamed Kamalutheen ke laman Internet yang mendakwa orang masjid tidak membantu fakir miskin.

Hati Ustazah Zuwainah remuk membaca komen itu sebagai seorang kakitangan Masjid Al-Istiqamah di Serangoon yang berpengalaman membantu penerima zakat.

Beliau tergerak memberi respons di akaun Facebooknya sendiri dan menceritakan pengalaman beliau sebagai Pegawai Pembangunan Sosial (SDO) di masjid dan kemudian sebagai pengendali kes penerima zakat.

Pada mulanya, luahan hati beliau itu hanya dibataskan untuk dibaca teman-teman di Facebooknya.

Tidak lama setelah menerbitkan pos itu, beliau menerima mesej daripada Mufti Dr Fatris Bakaram yang meminta beliau menjadikan pos itu boleh dibaca awam.

Kemudian, Mufti sendiri turut mengongsi pos Ustazah Zuwainah di laman Facebook beliau.

Dalam beberapa hari sahaja, pos Ustazah Zuwainah itu tersebar luas.

Sejak diterbitkan pada Isnin lalu, pos Ustazah Zuwainah itu telah dikongsi lebih 360 kali, dan mendapat 'like' daripada sekitar 100 pengguna Facebook.

Ditemui Berita Harian di Hab Islam Singapura di Braddell Road Khamis lalu, Ustazah Zuwainah berkata beliau tidak sangka pos itu akan menarik perhatian ramai.

"Orang ramai tidak tahu apa yang kita lalui sebagai SDO. Mereka memberi komen tetapi tidak tahu duduk perkara sebenar tentang sesebuah kes. Kita sebagai SDO juga serba salah kerana kita tidak mahu dedahkan aib penerima zakat.

"Sepanjang saya menjadi SDO dan pengendali kes, saya tidak pernah mengalami seseorang yang benar-benar layak menerima bantuan ditolak pihak masjid," ujar Ustazah Zuwainah, 36 tahun, yang berkelulusan Universiti Al-Azhar dalam bidang Syariah.

Sejak pos itu disiarkan, ada juga orang yang tidak dikenali meminta maaf kepadanya kerana mengkritik sebelum ini.

SDO daripada Masjid Al-Iman di Bukit Panjang, Ustazah Siti Marizzah Abdul Razak, berkata masih ada kekeliruan dalam masyarakat tentang zakat.

"Kita cuba sedaya upaya menerangkan bantuan zakat itu hanya untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

"Ada juga yang kurang faham perbezaan zakat dan sedekah; zakat ada lapan asnaf, sedekah tidak ada penerima tertentu," ujar Ustaz Siti Marizzah, 25 tahun.

Meskipun kadangkala perlu menghadapi tohmahan, ramai pegawai SDO yang tabah menempuhinya.

Seorang lagi SDO, Ustaz Abdussalam Muhamad Ekhsan, 28 tahun, memilih laluan kerjaya itu empat tahun lalu didorong semangat ingin membantu.

"Saya ingin melakukan lebih daripada menyampaikan dakwah. Saya ingin dekati orang susah dan bantu mereka. Pada masa sama, saya boleh selitkan dakwah," ujar Ustaz Abdussalam dari Masjid Haji Mohd Salleh di Geylang.

Ketua Unit Strategik Pembangunan Sosial di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Cik Muzaiyanah Hamzah, berkata Muis sedang meningkatkan penyampaian mutu khidmat untuk menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

"Kami ingin melatih lebih ramai kakitangan masjid untuk berupaya membuat rujukan sewajarnya," ujar Cik Muzaiyanah.

Beliau turut mengingatkan bahawa bantuan zakat hanya tambahan kepada pelbagai skim bantuan lain di peringkat nasional.

SEKILAS AGIHAN ZAKAT MUIS

Agihan Zakat Muis mengikut Asnaf pada 2015

- Fakir & Miskin: \$16,444,731
- Amil (yang mengumpul zakat): \$3,005,872 Muallaf (yang baru memeluk Islam): \$305,349
- Fisabilillah (yang berjuang di jalan Allah): \$14,965,238
- Riqab (yang ingin membebaskan diri dari menjadi hamba): \$1,486,877
- Ibnussabil (yang terkandas dalam perjalanan): \$4,188
- Gharimin (yang berhutang): \$91,046
- Jumlah Penuh Agihan: \$36,303,301

AGIHAN

- 29 masjid agihkan zakat yang dibayar menerusi Muis

JENIS BANTUAN

- Bantuan kewangan bulanan, lunaskan hutang seperti bil air elektrik, bantuan kecemasan, kos pengebumian, geran pelajaran, baucar makanan fidyah.

ZAKAT DAN SEDEKAH BERBEZA

- Antaranya, zakat mempunyai penerima tertentu, iaitu lapan asnaf. Sedekah tidak.

ZAKAT BANTUAN TAMBAHAN

- Zakat agihan masjid satu daripada pelbagai bantuan lain yang dihulurkan selain di peringkat nasional seperti ComCare dan sebagainya.

PROSES PEMOHONAN


- Individu yang mohon bantuan diminta kemuka dokumen seperti kad pengenalan dan dokumen lain yang relevan.

Nota: Maklumat lanjut di www.zakat.sg

Ada yang mungkin tak tahu usaha masjid

Pegawai Al-Istiqamah kongsi pengalaman penuh cabaran kendali kes bantuan jemaah

- Pemohon bantuan datang ke masjid minta pertolongan.
- Pegawai masjid cuba bantu tetapi pemohon enggan kerjasama, beri maklumat palsu dan tidak penuhi kriteria.
- Pemohon marah apabila permohonan ditolak.
- Jemaah lain terdengar, berikan wang kepada pemohon sambil sindir pegawai.
- Pegawai buat lauan dalam Facebook kepada teman sahaja.
- Mufti baca dan gesa pegawai siarkan kiriman kepada umum.



KONGSI CABARAN: (Darip kiri) Ustazah Siti Marziah, Ustaz Abdussalam dan Ustazah Zawiah berkongsi cabaran tugas sebagai pegawai pembangunan sosial di masjid. - Foto TUKIMAN WAJID

► **MIR ADILAN MAHROS**
adilank@iqah.com.my

MATA yang sukar terkelap beberapa malam lalu membawa Ustazah Zawiah Mohamed Kamilahutheca ke laman Internet yang mendengar orang masjid tidak membantu fakir miskin.

Hati Ustazah Zawiah remek membaca komen itu sebagai seorang kakitangan Masjid Al-Istiqamah di Serangoon yang berpengalaman membantu penerima zakat.

Beliau tergerak memberi respons di akaun Facebooknya sendiri dan menceritakan pengalaman beliau sebagai Pegawai Pembangunan Sosial (SDO) di masjid dan kemudiannya sebagai pengendali kas penerima zakat.

Pada mulanya, luahan hati beliau itu hanya dibacakan untuk dibaca teman-teman di Facebooknya.

Tidak lama setelah menerbitkan pos itu, beliau menerima mesej daripada Mufti De Fatris Bakarum yang meminta beliau menjadikannya pos itu boleh dibaca umum.

Kemudian, Mufti sendiri turut mengongsi pos Ustazah Zawiah di laman Facebook beliau.

Dalam beberapa hari sahaja, pos Ustazah Zawiah itu tersebar luas.

Sejak diterbitkan pada Isnin lalu, pos Ustazah Zawiah itu telah dikongsi lebih 360 kali, dan mendapat 'like' daripada sekitar 100 pengguna Facebook.

Ditemui Berita Harian di Hah Islam Singapura di Roadhill Road Khuan I-lan, Ustazah Zawiah berkata beliau tidak sangka pos itu akan menarik perhatian ramai.

"Orang ramai tidak tahu apa yang kita lakukan sebagai SDO. Mereka memberi komen tetapi tidak tahu duduk perkara sebenar tentang sebarang kes. Kita sebagai SDO juga

Terima tohmahan pemohon bantuan, jemaah

USTAZAH Zawiah Mohamed Kamilahutheca mengulas peristiwa yang terjadi kepada beliau lima tahun lalu semasa mengendali kes seorang individu yang memerlukan bantuan di masjid.

Ustazah Zawiah, yang bertugas sebagai pegawai pembangunan sosial (SDO) masjid itu, kenal orang itu kerana telah berhadapan kali meminta bantuan, dan beberapa kali bantuannya ditolak.

Namun, individu itu enggan bekerjasama dengan pihak masjid, termasuk memberi maklumat palsu, dan memberi alasan apabila sukarelawan masjid ingin membuat lawatan ke rumahnya.

Apabila permohonannya ditolak, beliau marah-marah.

Mendengar kekecewaan itu, seorang anggota jemaah masjid memberi data kepada individu itu.

"Ustazah Zawiah masih ingat lagi kata-kata sinis jemaah itu.

"Tak apa. Ambil ini buat beli makanan anak dan isteri. Tak payah hairankan sangat data dari masjid ke Mufti ini. Pusat aja minta," ujar anggota jemaah masjid itu, seperti yang ditingali Ustazah Zawiah.

serbi salah kerana kita tidak mahu dudukkan ahli penerima zakat.

"Sepanjang saya menjadi SDO dan pe-

nyataan oleh peristiwa itu, Ustazah Zawiah masuk ke pejabatnya dan menangis dalam diam.

Beliau juga rasa serba salah kerana tidak boleh menceritakan semua peritah individu itu kerana itu kesibukannya.

Ustazah Zawiah mengongsi pengalaman beliau di Facebook lain kali, dan pos itu telah menarik perhatian ramai, termasuk Mufti De Fatris Bakarum.

Dalam pos itu, Ustazah Zawiah meminta individu yang beraut tidak diberi hak sepenuhnya untuk memberi maklumat terperinci tentang kejadian yang berlaku agar siasatan sewajarnya boleh dilakukan.

Jika ada SDO yang membuat kesalahan, Ustazah Zawiah juga berharap orang ramai tidak akan mengonggapi semasa SDO sama.

"Luar kita menyalah orang atas alasan memegakkan keadilan bagi orang lain.

"Das-das adalah sandan sebelum kita. Kita tidak boleh menjatuhkan seseorang untuk menaikan seseorang yang lain," ujar Ustazah Zawiah.

ngendali kes, saya tidak pernah mengahami seseorang yang benar-benar layak menerima bantuan ditolak pihak masjid," ujar

Ustazah Zawiah, 36 tahun, yang berkeahlian Universiti Al-Azhar dalam bidang Syariah.

Sejak pos itu diutarkan, ada juga orang yang tidak dikenali meminta maaf kepadanya kerana mengkritik sebahagian ini.

SDO daripada Masjid Al-Iman di Bukit Panjang, Ustazah Siti Marziah Abdul Razak, berkata masih ada kekecewaan dalam masyarakat tentang zakat.

"Kita cuba selesaikan upaya menyalurkan bantuan zakat itu hanya untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

"Ada juga yang kurang faham perbezaan zakat dan sedekah; zakat ada lapan usul, sedekah tidak ada penerima tertentu," ujar Ustaz Siti Marziah, 25 tahun.

Meskipun kadangkala perlu menghadapi tohmahan, ramai pegawai SDO yang tabah mencemburunya.

Seorang lagi SDO, Ustaz Abdussalam Muhammad Ekhsan, 28 tahun, memfah laluan kerjanya itu cukup tahun lalu didorong semangat ingin memudarta.

"Saya ingin melakukan lebih daripada menyampaikan dakwah. Saya ingin dekati orang susah dan bantu mereka. Pada masa sama, saya boleh selitkan dakwah," ujar Ustaz Abdussalam dari Masjid Haji Mohd Salleh di Geylang.

Ketua Unit Strategik Pembangunan Sosial di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Cik Muzayyannah Hanzah, berkata Muis sedang meningkatkan penyediaan mofa khidmat untuk menghidupkan bantuan kepada golongan memerlukan.

"Kami ingin melalui lebih ramai kakitangan masjid untuk berupaya membuat rujukan sewajarnya," ujar Cik Muzayyannah.

Beliau turut mengingatkan bahawa bantuan zakat hanya tambahan kepada perkhidmatan bantuan lain di peringkat nasional.

SEGLAS AGIHAN ZAKAT MUS

- Agihan Zakat Mus mengikut Ahsaf pada 2015**
- Fakir & Miskin: \$16,444,731
 - Anak (yang mengumpul zakat): \$3,005,822
 - Muskil (yang baru memeluk Islam): \$305,349
 - Fasiliti (yang bojang & jalan Allah): \$14,965,238
 - Riqab (yang ingin membebaskan diri dari menjadi hamba): \$1,494,877
 - Kemudahan (yang terkandung dalam perkhidmatan): \$4,188
 - Ghairin (yang berbilang): \$91,049

Jumlah Perush Agiharan:
\$38,531,551

AGIHAN
25 masjid agihan zakat yang dibayar menerusi Muis.

JENIS BANTUAN
Berbentuk wang tunai, barangan mudah alih seperti telefon bimbit, barangan keperluan, alat pengangkutan, mesin jahit, barangan keperluan harian.

ZAKAT DAN SEDEKAH BERSEBA
Aduanya, zakat mempunyai penerima tertentu, lalu lapan usul. Sedekah tidak.

ZAKAT BANTUAN TAMBAHAN
Zakat agihan masjid satu daripada pelbagai bantuan lain yang dibekalkan oleh di peringkat nasional seperti Caritas dan sebagainya.

PROSES PEMOHONAN
Individu yang mohon bantuan dirujuk kepada kakitangan masjid yang membuat penilaian dan dikemudian akan di peringkat lain yang relevan.

Nota: Maklumat lanjut di www.zakat.org